

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** **JAWAB LISAN**

**DARIPADA :** **TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON**  
**[TEBRAU]**

**TARIKH :** **28 JULAI 2020**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan baru tentang Statut Rom dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, usaha supaya Malaysia menyertai Statut Rome dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum [*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD)] adalah merupakan inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang terdahulu.
3. Dalam hal ini, Kerajaan tidak akan terburu-buru dalam meratifikasi konvensyen-konvensyen ini, malah akan memastikan perbincangan berterusan secara berkala diadakan dengan semua pemegang taruh, termasuk masyarakat madani.
4. Langkah ini penting bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada dalam konvensyen antarabangsa tersebut adalah serasi dan tidak bercanggah dengan undang-undang domestik sedia ada.

Sekian, terima kasih.